

08/12/1999

Bernama nafi tuduhan Harakah

KUALA LUMPUR, Selasa - Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) hari ini menafikan sekeras-kerasnya tuduhan lidah rasmi Pas, Harakah, bahawa ia telah mengubah suai gambar sambutan rakyat Perlis kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kangar, Perlis, pada petang Sabtu 27 November lalu.

Gambar yang diedarkan oleh Bernama dan disiarkan di muka depan Berita Minggu pada 28 November lalu, didakwa sudah diubah suai bagi menampakkan sambutan orang ramai terhadap Dr Mahathir adalah lebih besar daripada sebenarnya.

Harakah dalam keluaran terbarunya bertarikh 6 Disember telah menyiarkan semula gambar itu dan membulatkan dua wajah dengan mendakwa kedua-duanya adalah Perdana Menteri.

Lidah rasmi Pas itu juga dalam laporannya mencabar Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk A Kadir Jasin, memohon maaf kerana bertindak demikian sekiranya beliau beretika.

Hari ini, Bernama mengeluarkan kenyataan menafikan dakwaan berkenaan dengan mengemukakan bukti bahawa hanya ada satu wajah Dr Mahathir dalam gambar itu, manakala seorang lagi adalah orang lain.

Pemangku Pengurus Besar/Ketua Pengarang Bernama, Syed Jamil Jaafar, kesal dengan tuduhan tanpa usul periksa oleh lidah rasmi Pas itu.

Berikut adalah kenyataan penuh beliau yang dikeluarkan hari ini:

"Gambar itu sebenarnya adalah gambar tulen yang tidak diapa-apakan. Ia diambil oleh jurufoto Bernama dan dikirim ke ibu pejabat di Kuala Lumpur menerusi 'wire transmission' (kaedah penghantaran melalui litar telefon) sejurus selepas acara sambutan itu pada petang 27 November. Apabila diterima di ibu pejabat Bernama di Kuala Lumpur pada jam 6 petang, gambar itu diedarkan menerusi rangkaian elektronik kepada pelanggan dalam tempoh 20 minit.

Ini jelas menunjukkan tiada sebarang ruang waktu bagi melakukan sebarang pengubahsuaian seperti yang dituduh oleh Harakah. Harakah mendakwa ada dua wajah Perdana Menteri dalam gambar itu yang menunjukkan bahawa ia sebuah gambar yang telah diubah suai (doctored).

Dakwaan ini amat dikesali kerana jika Harakah meneliti betul-betul gambar berkenaan, ia akan mendapati apa yang didakwa sebagai wajah kedua Perdana Menteri adalah sebenarnya wajah orang lain.

Dakwaan tanpa usul periksa ini adalah tidak bertanggungjawab dan telah menjejaskan kewibawaan Bernama dengan cara yang sangat tidak adil.

Bernama dalam sejarah 31 tahun kewujudannya tidak pernah melakukan perkara-perkara seperti yang didakwa Harakah, baik yang membabitkan gambar mahupun berita yang dikeluarkannya."

(END)